

DBKL sapu bersih Bukit Bintang

Program bertujuan meningkatkan kebersihan lokasi tumpuan pelancong

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
 KUALA LUMPUR



Kempen kesedaran berkaitan penjagaan alam sekitar, kebersihan dan kesihatan turut diadakan sempena Program Jom Bersih Bukit Bintang di ibu negara pada Ahad.

Kira-kira 1,000 sukarelawan menyapu bersih kawasan sekitar Bukit Bintang bertujuan meningkatkan kebersihan di lokasi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara itu.

Menurut kenyataan dikeluarkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Program Kempen Kebersihan Bukit Bintang, Jom Bersih Bukit Bintang dianjurkan Local Agenda 21 Kuala Lumpur dan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



(WPKL) dihadiri 1,000 peserta dari 44 organisasi kerajaan, swasta, institusi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Program ini diadakan dua kali setahun dan salah satu aktiviti mencapai matlamat Sustainable Development Goal (SDG) iaitu Bandar dan Komuniti Mampun.

"Usaha ini mampu meningkatkan tahap kebersihan dan keindahan di samping memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan menjaga alam sekitar," katanya.

Terdahulu, program berkenaan dirasmikan Pengarah Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan DBKL, Badrul Hisham yang mewakili

Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Hadir sama Ahli Parlimen Bukit Bintang, Fong Kui Lun.

"Selain aktiviti gotongroyong, kempen kesedaran berkaitan penjagaan alam sekitar, kebersihan dan penjagaan kesihatan turut diadakan," katanya.

Dalam pada itu, DBKL turut memaklumkan program ber-

kenaan dapat memupuk rasa sayang komuniti setempat dalam menjaga kebersihan.

"Selain itu, melalui kerjasama dengan rakan kongsi dan masyarakat setempat dapat menggalakkan amalan sihat dalam kalangan warga kota.

"Tema kali ini adalah 'Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama'," tambahnya.